

## TWEET DR. ASMADI

Prof. Madya Dr. Asmadi Mohamed Naim  
Dewan Pendaftar Perundangan Islam (DPS)  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
011-33810000/011-33810001



# Harta Orang Muflis Boleh Dijual?



**U**mumnya, syariat Islam telah membicarakan isu muflis ini sejak sekian lama. Hadis riwayat Imam Muslim: Daripada Abi Sa'id berkata: *"Telah menimpa seorang lelaki pada zaman Nabi ﷺ kemusnahan atas buah-buahan yang dibelinya, maka telah menjadi banyak hutangnya. Rasulullah ﷺ berkata kepada orang ramai: 'Bersedekahlah kepadanya.' Maka masyarakat pun bersedekahlah kepadanya, namun tidak mencukupi untuk membiayai hutangnya. Maka Rasulullah ﷺ bersabda kepada para pemiutangnya: 'Ambillah apa-apa yang kamu boleh ambil daripada hartanya, dan tidaklah kamu boleh mengambil kecuali yang tersebut!'"*

Hadis ini menurut Syeikh Ali al-Qari (wafat 1014H) menunjukkan bahawa pemiutang berhak mendapatkan ganti rugi terhadap hutang yang diberi dengan mengambil harta orang-orang yang muflis. Sekiranya tidak mencukupi, pemiutang hendaklah memberikan masa untuk mereka membayar hutang tersebut. Justeru, hukum muflis sememangnya telah diperkatakan oleh fikah Islam.



**Apakah yang boleh dilakukan kepada muflis?**

**A** Muflis di sudut bahasa Arab ialah sekiranya seseorang itu tidak mempunyai harta, atau wang yang ada padanya hanyalah 'fulus' (kadar yang sedikit sahaja). Muflis menurut istilah syarak berdasarkan pandangan Imam Nawawi ialah seseorang yang mempunyai hutang yang tidak mampu ditebus oleh hartanya.

Perbincangan mengenai muflis adalah berkaitan juga dengan perbahasan *mahjur alaihi* (orang yang dilarang bertransaksi).



**Apakah hukum yang dikenakan kepada orang yang muflis?**

**A** Terdapat beberapa hukum yang boleh diperincikan di sini iaitu:

● Bila seseorang itu boleh diisytiharkan muflis?

Untuk menghukumkan seseorang itu muflis, Imam Nawawi (*al-Raudhah*, v4, ms128) mensyaratkan terdapatnya

aduan daripada pemiutang. Justeru, pemerintah tidak boleh menjatuhkan hukum muflis tanpa aduan daripada pemiutang. Walaupun begitu, hukum muflis boleh dijatuhkan juga sekiranya penghutang itu merasakan dia telah muflis dan dia mengadu kepada mahkamah atau pemerintah.

Apabila pemerintah atau mahkamah telah menjatuhkan hukum muflis, dihukumkan ke atasnya *'hajar alaihi'* iaitu larangan bertransaksi.

● Apakah hukuman yang boleh dijatuhkan oleh mahkamah?

Para ulama berbeza pandangan sekiranya penghutang mempunyai harta lain yang boleh digunakan untuk membayar hutang. Sebahagian ulama mengatakan bahawa mahkamah atau pemerintah boleh melarang orang muflis daripada bertransaksi atau berkontrak sehinggalah dijual keseluruhan harta penghutang

## Mutiara kata

"Bagaimana bentuk pemuda kini, begitu pula corak masyarakat yang akan datang."  
(Imam Ghazzali)

dan dibahagikan mengikut peratusan hutang pemiutangnya. Pandangan ini adalah berdasarkan hadis yang dinyatakan.

Walaupun begitu, harta gadaian adalah diutamakan untuk membayar hutang yang mempunyai gadaian.

Sebahagian ulama lain berpandangan bahawa mahkamah boleh menangkap penghutang sehingga dia membayar hutang tersebut atau mati dalam keadaan ditangkap, kemudiannya dijual harta peninggalannya. Pandangan ini adalah berdasarkan hadis, "*Tipu daya al-wajid (orang yang berduit yang tidak mahu membayar hutang) maka halal maruahnya dan boleh dijatuhkan hukuman. Maka hukumannya ialah ditangkap.*"

Walaupun begitu, pandangan pertama menolak hujah ini dengan mengatakan maksud hukuman di sini adalah dijual harta orang-orang muflis kecuali jika dia masih enggan membayar hutang dengan hartanya.

**Q** Adakah semua orang-orang muflis perlu dijual? Bagaimana pula keperluan dan tanggapan?

**A** Ulama menggariskan beberapa panduan apabila berdepan dengan isu muflis, berdasarkan dalil-dalil menolak kemudharatan terhadap individu dan masyarakat serta maksud syarak untuk menjaga keperluan asasi manusia. Antara langkah yang digariskan:

● Pemerintah hendaklah menyara orang muflis sehingga

dia selesai menjual hartanya dan membahagikannya kepada pemiutang.

Pemerintah juga perlu menyara keperluan keluarga



dan orang tanggungan muflis.

● Hendaklah dijual rumah dan khadam orang muflis. Ada pandangan yang mengatakan perlu dikekalkan rumah orang muflis disebabkan itu adalah keperluannya.

● Dikekalkan pakaiannya tetapi dijual kenderaannya.

Daripada syarat-syarat ini, jelas menunjukkan bahawa ulama masih mengambil kira keperluan-keperluan hidup seharian yang berbentuk asasi apabila menjatuhkan hukuman muflis.

Justeru, pemerintah masih perlu mewujudkan suatu badan untuk melihat kebajikan orang-orang muflis seperti tempat tinggal dan keperluan hidup asasi supaya kemuflihan tidak menimbulkan satu masalah baru. Dalam konteks pengurusan zakat, asnaf 'gharimin' (orang yang berhutang) boleh dipakai untuk membantu keperluan seharian golongan ini.

**Q** Adakah pelaksanaan hukum syarak bertepatan dengan hukum syarak?

**A** Sebagaimana kita maklum, banyak akta yang dijalankan di negara kita adalah warisan sistem penjajah. Masih banyak yang perlu kita lakukan untuk meng-Islamisasi akta-akta yang dipakai sekarang ini dengan mengeneipkan unsur-unsur riba, judi, gharar, kezaliman dan lain-lain. Setakat ini kita sudah boleh berbangga kerana Akta Perbankan Islam dan Akta Takaful telah diwujudkan.

Mengenai peruntukan muflis yang ada dalam perundangan kita, tidak adil untuk saya menghukumkannya dalam ruangan yang terhad ini. Kajian teliti perlu dilakukan untuk melihat kepatuhannya menurut syarak. Walaupun begitu, pendakwaan di mahkamah untuk mengisytiharkan seseorang itu muflis adalah dibenarkan oleh syarak, bahkan perkara tersebut pernah ditunjukkan oleh hadis Nabi ﷺ.

Kekurangan kita pada hari ini adalah kekurangan agensi yang boleh bertindak secara pantas membela nasib atau keperluan seharian seorang muflis dan keluarganya.

**Q** Apakah makna jama' bagi kami orang-orang yang muflis? Alhamdulillah.

**A** Kepada yang belum muflis, berhati-hatilah dalam berbelanja. Bagi yang sudah jatuh muflis, bersabarlah dan teruslah berusaha untuk keluar daripada belunggu kemuflihan. Bersyukurkan sebab Allah ﷻ masih belum menjadikan kita orang-orang yang muflis iman. 🌸